



Jaket Kulit Kijang dari Istanbul T5

1. Penulis, iaitu seorang wanita yang memperkenalkan dirinya sebagai Mas telah melancong ke Istanbul, Turki. Penulis telah menyediakan **senarai cenderamata** yang perlu dibeli untuk dibawa pulang ke tanah air sebagai **ole-ole**. Wang sebanyak itu akan digunakan secara berhemat ketika berada di negara orang.

2. Penulis telah dinasihati oleh seorang pemandu pelancong tentang perkara-perkara yang perlu diberikan perhatian bagi mengelakkan **penipuan** oleh para peniaga.

3. Ketika berkunjung ke kedai-kedai di **Grand Bazaar**, penulis telah disapa oleh seorang lelaki dari sebuah kedai yang menjual jaket kulit. Lelaki itu telah meminta penulis mencuba sehelai jaket kulit yang berkualiti tinggi yang **diperbuat daripada** kulit kijang. Oleh sebab bukan dalam perancangan, penulis telah menolak secara **sopan**



untuk membeli jaket yang telah dicubanya sebelum ini

4. Penulis mengisahkan pula perjalanannya pada hari keenam di Istanbul. Kesusahan yang dialami oleh wanita tua, penjual makanan burung menyentuh perasaannya. Selain itu, kisah seorang budak lelaki yang cuba menjual barangan di pasaran gelap dirakamkan juga oleh penulis. Budak lelaki itu bukan sahaja ditangkap tetapi dilayan tanpa ada rasa kemanusiaan oleh pihak polis. Layanan kasar ini juga menyebabkan penulis teringat akan puisi tulisan Mevlana **Celaleddin** Ar-Rumi yang banyak menceritakan perihal kemanusiaan.

5. Rakan penulis yang bernama **Shahmeem** akhirnya membeli sehelai jaket daripada lelaki yang menjualnya di **pasaran gelap**. Harga yang ditawarkan ialah USD120 jauh lebih murah



daripada harga di bazaar. Penulis terpaksa membeli jaket itu demi **menjaga hati kawan**.

6. Penulis berpendapat bahawa jaket kulit kijang itu sebenarnya lambang **kemewahan** dan kemegahan. Lebih seekor kijang perlu dibunuh untuk mendapatkan sehelai jaket. Penulis pula berhasrat untuk menjual jaket tersebut apabila pulang ke Malaysia nanti.

Tema

1. Tema cerpen "Jaket Kulit Kijang dari Istanbul" adalah **tentang pengalaman seorang pelancong yang suka melancong**. Pembelian tersebut tidak dirancang dan dibuat untuk menjaga hati rakannya.

Persoalan

1. **Kemewahan dan gaya hidup moden yang mengancam kehidupan haiwan liar**. Contohnya, kijang terpaksa dibunuh agar kulitnya dapat dijadikan jaket.



2. Sikap peniaga yang tidak bertanggungjawab kerana gagal mematuhi **etika perniagaan**.

Contohnya, peniaga lelaki di Grand Bazaar, Istanbul memaksa seseorang membeli barangannya.

Baca petikan cerpen di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Malam terakhir di Istanbul, Kak Chah yang sebilik denganku tidur awal. Pasti kepenatan selepas berjalan mengelilingi kota bersejarah itu. Aku menyusun barang-barang yang akan dibawa pulang. Tiga buah buku, enam belas helai baju-T, tujuh kotak manisan lokum, dua kotak teh epal, sepuluh utas rantai kunci, lapan bentuk senduk kayu bertulis ayat Al-Quran, empat keping pelekat magnet, tiga utas gelang manik, lima buah anak patung Turki, dan sebotol orga. Kesemuanya tidak



menurut jumlah yang telah aku rancangkan. Bermakna, banyak yang tidak akan mendapat cenderamata sekembalinya aku dari Turki.

Sebenarnya, duitku cuma tinggal USD70 selepas aku **membeli jaket kulit kijang** (aku mengetahui jenisnya setelah Encik Yuksel meneliti jaket tersebut). Aku memandang jaket yang kini terletak di atas katil. Aku hanya membayar USD100 kepada Shahmeem. Dia mengurangkan USD20 daripada harga pasaran gelap sebagai tanda terhutang budi.

Aku tidak nampak praktikalnya jaket itu untuk kegunaan harian di Malaysia. Memakainya pasti akan membuat diri **berasa panas** dalam cuaca terik di tanah air. Jika keluar negara, jaket itu cuma sesuai dipakai pada musim sejuk.

Menjaganya pasti memerlukan kerapian. Tidak boleh dibasuh. Tidak boleh dilipat sembarangan. Walaupun harganya mahal, **jaket kulit bukannya sesuatu yang tahan lasak.** Kainnya mudah carik dan jika koyak, tidak dapat dijahit dengan benang.



(Dipetik daripada cerpen "Jaket Kulit Kijang dari Istanbul" oleh Maskiah Haji Masrom dalam antologi Jaket Kulit Kijang dari Istanbul, Dewan Bahasa dan Pustaka.)

(i) Mengapakah **penulis tidak begitu gembira dengan jaket kulit yang dibelinya ? [2 markah]**

1 Penulis tidak gembira kerana dia tidak nampak praktikalnya jaket itu untuk kegunaan harian di Malaysia kerana cuaca panas .

2 Lagipun menjaganya pasti memerlukan kerapian. Dan tidak boleh dibasuh.



(ii) Pada pendapat anda, apakah langkah yang perlu diambil oleh kerajaan bagi menceriaikan industri pelancongan di negara ini? Kemukakan tiga langkah tersebut. [3 markah]

Kerajaan boleh menceriaikan industri pelancongan di negara ini dengan melaksanakan program 'Tahun Melawat Malaysia' Selain itu , membuat iklan di media massa tentang pusat pelancongan di Malaysia. Kerajaan juga boleh menyediakan lebih banyak kemudahan infrastruktur di pusat pelancongan .



(iii) Jelaskan **satu nilai berdasarkan petikan** di atas dan **satu lagi nilai berdasarkan keseluruhan CERPEN**. [4 markah]

Dalam petikan di atas, nilai kasih sayang telah ditunjukkan. Contohnya dia sanggup menolong Shameen membeli jaket kulit kijang. [2 m]

Dalam cerpen keseluruhan, nilai **kesederhanaan** telah ditunjukkan . Mas tidak suka membeli jaket kulit yang dianggap mewah. [2 m]
